

18 AUG 2001

Mahathir-Ulama

ULAMA PUNYAI TUGAS BERAT JAGA UMAT ISLAM, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

SANA'A, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata golongan ulama mempunyai tugas berat dalam memastikan umat Islam sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Islam.

"Para ulama mempunyai tanggungjawab yang amat berat kerana sama ada kita berpegang kuat kepada agama Islam atau tidak bergantung kepada ajaran Islam yang disampaikan oleh mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada pertemuan dengan pelajar Malaysia di Yemen termasuk dari Universiti Al-Ahqaf dan sekumpulan ulama tempatan di bandar Ta'arim yang terletak di wilayah Hadhramout pada hari ketiga lawatannya ke Yemen semalam.

Dr Mahathir berkata beliau berasa sedih untuk mengakui bahawa di Malaysia sekarang ada golongan termasuk remaja dan belia yang sudah meninggalkan agama Islam untuk menyembah syaitan.

Ini antara lain disebabkan guru-guru mereka tidak mengajar agama Islam yang sebenar, katanya.

"Dengan itu, pegangan mereka kepada agama Islam menjadi lemah dan mereka mudah terpengaruh dengan cara-cara menyembah syaitan yang datang daripada barat," katanya.

Dr Mahathir berkata iman seseorang juga mungkin menjadi lemah dengan melihat program-program di Internet yang menyebarkan nilai hidup yang buruk di kalangan orang Islam dan akhirnya ini boleh menjurus kepada mereka meninggalkan agama mereka.

Beliau berkata kerajaan sanggup bekerjasama dengan ulama dalam usaha memperkuat daya tahan umat Islam di Malaysia dan menganggap kerjasama sedemikian amatlah penting.

Setakat ini, kata Dr Mahathir, kerajaan berjaya membangunkan negara tanpa rusuhan atau peperangan saudara walaupun telah muncul kumpulan kecil yang ingin menjatuhkan kerajaan dengan menggunakan senjata dan ini boleh menjurus kepada terbantutnya usaha membangunkan negara.

Beliau gembira setelah dimaklumkan bahawa pelajaran yang disampaikan kepada penuntut Malaysia di Yemen adalah semata-mata tertumpu kepada ajaran Islam yang tidak disulami dengan pengaruh politik.

"Saya harap penuntut-penuntut di sini akan belajar agama yang sebenar, tidak terpengaruh dengan pendapat lain yang tidak ada kaitan dengan agama kerana (anda) akan kembali ke tanah air untuk memberi penerangan kepada rakyat Malaysia tentang agama Islam," katanya.

Beliau juga berharap mereka dapat belajar sehingga lulus dan akhirnya dapat menolong membangunkan negara apabila pulang kelak.

Dr Mahathir berkata kerajaan juga akan mencari jalan untuk membantu penuntut Malaysia yang telah menyuarakan rintihan tentang beberapa masalah, termasuk daripada segi kewangan, ketika belajar di Yemen.

Beliau berkata bantuan juga mungkin dihulurkan bagi menyokong cadangan membesarkan universiti berkenaan dan beliau gembira dengan penyertaan arkitek Malaysia dalam projek itu.

Menyentuh perkara lain, beliau berkata umat Islam sekarang berpecah dan mengabaikan ajaran agama yang menyuruh mereka membuat persediaan dalam menghadapi musuh dan ketidakpatuhan inilah yang menyumbang kepada penindasan terhadap umat Islam termasuk di Palestin, Bosnia, Kosovo dan tempat lain.

Katanya masyarakat Islam perlu mempunyai kebolehan untuk mengeluarkan sendiri senjata canggih seperti pesawat pejuang dan kapal perang untuk

tujuan menggerunkan musuh mereka.

"Cara kita (orang Islam) sekarang tidak mendatangkan apa-apa faedah. Mereka cuma bunuh empat, lima atau 10 orang tetapi hasil daripadanya ialah penindasan yang lebih kuat lagi terhadap orang Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata sebaliknya, jika umat Islam dapat membangunkan negara masing-masing sehingga menjadi sama kuat dengan negara musuh, musuh tidak akan berani menindas mereka.

Selain itu, Dr Mahathir berkata Yemen berminat dengan kemajuan yang dicapai oleh Malaysia dan mereka tidak akan bersikap sedemikian jika menganggap kemajuan itu tidak penting bagi orang Islam.

Beliau mengakhiri lawatan rasmi empat harinya ke Yemen hari ini dengan melawat tempat-tempat menarik di Sana'a dan mengadakan sidang media sebelum bertolak ke Uganda untuk menghadiri dialog kerjasama di kalangan negara-negara Afrika.

-- BERNAMA

MAM AKD